
SIARAN MEDIA

MyCC ANJUR PROGRAM “*THE 1st MOOT COURT COMPETITION ON COMPETITION LAW 2016*” BERSAMA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 18 Oktober 2016 - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengadakan program “*THE 1st MOOT COURT COMPETITION ON COMPETITION LAW 2016*” hari ini di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur. Program ini disasarkan kepada para siswa di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran mengenai penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 (AP 2010).

lanya merupakan satu inisiatif MyCC untuk bekerjasama dengan pihak IPT agar dapat menggalakkan lagi bidang pendidikan dan penyelidikan berkaitan dengan undang-undang persaingan yang dijalankan oleh pihak Universiti. Usaha ini juga akan dapat mewujudkan golongan pakar dalam usaha MyCC membina kapasiti yang berkepakaran dan berpengetahuan dalam bidang persaingan di Malaysia.

“Program “*THE 1st MOOT COURT COMPETITION ON COMPETITION LAW 2016*” ini merupakan yang pertama sekali di anjurkan oleh MyCC dan adalah menjadi harapan sekiranya program ini dapat diteruskan pada masa hadapan dengan lebih banyak penyertaan dari pihak IPT di Malaysia,” kata Tan Sri Dato’ Seri Siti Norma Yaakob dalam ucapan beliau.

Terdapat lima buah IPT yang telah menyertai pertandingan ini. Hadiah yang ditawarkan adalah sebanyak RM 3,000.00 berserta piala untuk pemenang tempat pertama dan sebanyak RM 1,500.00 untuk tempat kedua berserta piala. Manakala, pemenang untuk “*Best Oralist in Preliminary Round*” menerima RM 100.00, “*Best Oralist in the Final Round*” juga menerima sebanyak RM 100.00 dan untuk “*Best Overall Written Submission*” pula menerima sebanyak RM 500.00. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato’ Henry Sum Agung, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.